

Headline	Bazar Peduli Rakyat ringankan beban		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	06 Sep 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	15	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	336 cm <sup>2</sup>
Journalist	Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli	AdValue	RM 11,169
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,506



# Bazar Peduli Rakyat ringankan beban

Tawar harga sehingga 50 peratus lebih murah daripada pasaran

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli  
cnews@nstp.com.my

**Kuala Terengganu:** Penganjuran Program Bazar Peduli Rakyat (BPR) di seluruh negara sejak Februari lalu, bukan saja menawarkan harga rendah, tetapi turut menyediakan kaunter khas bagi menerima sumbangan orang ramai.

Sumbangan berbentuk sumber segar dan bahan mentah itu diserahkan oleh pengunjung melalui Kaunter *My Food For Ummah* (MFFU) yang disediakan BPR.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA),

Ishak Ismail, berkata program BPR itu bermula di Pulau Pinang pada Februari lalu sebelum ke Terengganu yang menjadi lokasi keenam selepas penganjuran di Selangor pada Ogos lalu.

"BPR menawarkan harga 40 hingga 50 peratus lebih murah berbanding harga pasaran, sekaligus dapat meringankan beban pengguna kerana ia jualan terus dari ladang tanpa melalui orang tengah.

"Pada BPR kali ini, kami menawarkan harga manggis dan rambutan hanya RM1 sekilogram, manakala ayam berharga RM7.50 diturunkan kepada RM6.50 sekilogram.

"Ikan tongkol berharga RM10 dijual pada harga RM7 sekilogram dan tomato berharga RM7 hanya dijual pada harga RM5.50 sahaja," katanya selepas Majlis Pelancaran BPR di pekarangan Pejabat MARDI Manir, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Alimin dan

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil.

Ishak berkata, program BPR akan diteruskan sekurang-kurangnya sebulan sekali di seluruh negara.

Katanya, sehingga kini program terbabit sudah dilaksanakan di enam lokasi hasil kerjasama tiga agensi itu FAMA, LPP dan LKIM membabitkan 50 peniaga serta usahawan di setiap lokasi.

"Lokasi seterusnya di Perak yang dijadualkan akhir bulan ini. Penganjuran BPR itu diharapkan akan memberi manfaat bukan saja kepada pengguna tetapi juga kepada peniaga dan usahawan.

"Melalui program ini masalah lambakan hasil pertanian juga dapat dielakkan dan pengguna juga dapat membeli dengan harga murah," katanya.

Beliau berkata, kewujudan kaunter MFFU di bawah seliaan Yayasan Prihatin Insan (YPI) juga membantu golongan miskin dan tidak berkemampuan.



Ishak dan Mazlan melong buah-buahan pada harga istimewa selepas Majlis Pelancaran BPR di pekarangan Pejabat MARDI Manir, Kuala Terengganu, semalam. (FOTO IMRAN MAKHZAN/BH)